

NO. SOALAN : 54

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG
KETIGA BELAS, PENGGAL KELIMA, MESYUARAT PERTAMA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN OOI CHUAN AUN

[JELUTONG]

TARIKH : 23 MAC 2017 (KHAMIS)

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta PERDANA MENTERI menyatakan kenapa kepentingan peneroka Felda serta pelabur Bumiputera dibiarkan tergendai disebabkan nilai saham Felda Global Ventures (FGV) jatuh menjunam 60% daripada RM4.82 selepas IPO pada 2012 hingga RM1.87 pada Februari 2017.

JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pulangan saham FGV kepada peneroka FELDA yang memegang saham FGV adalah bergantung kepada jumlah dividen yang diisytiharkan oleh FGV dan jumlah unit saham yang dipegang oleh pemegang saham. Jumlah pemberian dividen yang telah diterima oleh peneroka FELDA yang memegang saham FGV sebanyak 800 unit bagi setiap peneroka sehingga kini adalah sebanyak RM352.00.

Selain itu, pihak FELDA juga telah mengagihkan pendapatan dividen FGV yang diterima melalui pegangan 20% saham FGV kepada peneroka yang layak. Jumlah pemberian dividen ini adalah sebanyak RM 227,457,860.86.

Dalam membantu meringankan beban peneroka, pada 1 Oktober 2016 FELDA telah menebus jumlah saham yang dipegang oleh peneroka sebanyak 800 unit bagi setiap peneroka pada harga kos RM3,650 dan termasuk fi serta cas-cas perkhidmatan bank yang lain untuk setiap peneroka. Melalui penebusan ini, peneroka diberi kemudahan pinjaman tanpa faedah dengan kadar pembayaran balik serendah RM50 sahaja sebulan untuk selama 76 bulan (6 tahun dan 4 bulan). Peneroka juga dibenarkan membuat jualan dan berhak untuk mendapat dividen yang diisytiharkan oleh FGV.

Sekian, terima kasih.

SOALAN (55)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 23 MAC 2017 [KHAMIS]

**DARIPADA : TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI
[BUKIT BENDERA]**

SOALAN :

YB TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI [BUKIT BENDERA] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Jabatan Statistik boleh mempertimbangkan penyediaan data mentah (raw data) bagi pengguna awam atau badan-badan penyelidikan, dan jika tidak, kenapa.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Fungsi Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) di bawah Akta Perangkaan 1965 yang telah disemak pada 1989 adalah untuk:

- i. mengumpul dan mentafsirkan perangkaan bagi tujuan pembentukan atau pelaksanaan dasar-dasar kerajaan dalam apa juga bidang yang diperlukan oleh kerajaan atau bagi memenuhi keperluan-keperluan perdagangan, perniagaan, perindustrian, pertanian atau lain-lain (Seksyen 2, Subsekyen 2); dan
- ii. menyebarkan perangkaan yang telah dikumpul atau tafsiran yang dibuat atas perangkaan yang dikumpul itu, bukan sahaja kepada agensi-agensi kerajaan, tetapi juga kepada pihak-pihak berkuasa atau orang-orang yang mana maklumat itu berguna untuk mereka (Seksyen 2, Subsekyen 3).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak beberapa tahun lepas, DOSM telah meningkatkan amalan perkongsian data mentah melalui pelbagai data terbuka yang mana semua perangkaan, data agregat dan data

siri masa boleh dimuat turun dan diakses secara percuma oleh semua pengguna melalui portal rasmi DOSM. Data boleh diakses secara online dalam pelbagai format bersesuaian dengan keperluan pengguna. Sebagai contoh, pengguna boleh mengakses kepada gudang data yang dilancarkan pada Jun 2016, dikenali sebagai *Statistics Data Warehouse* dengan izin atau *StatsDW* di mana pengguna boleh membuat analisis data mengikut keperluan mereka. Secara purata, sebanyak 20,000 transaksi muat turun data secara percuma telah direkodkan bagi setiap bulan.

Sebagai agensi statistik rasmi negara, DOSM memelihara kerahsiaan maklumat individu atau syarikat dan tidak akan dizahirkan kepada umum sebagaimana yang diperuntukan di bawah Seksyen 4. (2) Akta Perangkaan 1965 (Disemak 1989) [Akta 415]. Walau bagaimanapun, bagi menggalakkan aktiviti penyelidikan berdasarkan pengumpulan data primer oleh DOSM, maka perkongsian data mikro tanpa pengenalan atau *anonymous micro data* dengan izin telah dilaksanakan. DOSM boleh membekalkan data mikro ini berdasarkan permintaan rasmi oleh para penyelidik yang memenuhi garis panduan ditetapkan.

Ahli Yang Berhormat,

Bagi memperluaskan akses data mentah dalam kalangan penyelidik dan pelajar, DOSM telah melaksanakan Memorandum Persefahaman (MoU) dengan sebelas universiti tempatan mulai tahun 2013. Melalui MoU ini data mentah telah dibekalkan kepada universiti secara percuma. Sejak tempoh tersebut, banyak kajian ilmiah di peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah telah dihasilkan. DOSM akan meneruskan MoU ini kepada universiti awam dan swasta yang lain dari semasa ke semasa.

DOSM juga akan sentiasa bekerjasama dan membantu para penyelidik dan orang awam yang berminat membuat penyelidikan dalam bidang berkaitan. Bagi tempoh 2012 sehingga 2016, DOSM telah membekalkan sebanyak 71 permohonan data mentah.

Sekian, terima kasih

23 Mac 2017